

**Headline** Berhenti makan gaji demi jualan langsung  
**Date** 13. Feb 2008  
**Media Title** Berita Harian  
**Section** Citra  
**Circulation** 217991  
**Readership** 762968  
**Language** MALAY  
**Page No** B5  
**Article Size** 945 cm2  
**Frequency** Daily  
**Color** Full Color



Oleh Dzulkyfley Zanudin  
(Yang berkunjung ke Korea Selatan,  
baru-baru ini)

**S**ITI Rohana Yusoff dan Kartini Mat Yaakob pernah berkhidmat sebagai guru sekolah beberapa tahun lalu, tetapi kini, kedua-dua wanita Kelantan itu antara tonggak penderas skim pemasaran pelbagai peringkat (MLM) Hai-O Marketing Sdn Bhd (Hai-O).

Mereka membuktikan wanita sama ada bekerja atau suri rumah mampu menjadi tenaga penggerak utama bagi meningkatkan taraf hidup keluarga. Kedua-duanya berani berhenti makan gaji untuk menghadapi cabaran perniagaan MLM bersama suami masing-masing sebelum berjaya sebagai Crown Diamond Manager (CDM) dalam skim pemasaran Hai-O.

Siti Rohana, 34, dan suaminya, Azlan Deraman, 35, serta Kartini, 35, bersama suaminya, Kamarudin Mamat, 35, antara bukti Bumiputera mampu menjadi usahawan berjaya menerusi bidang MLM.

Bidang itu turut mengeratkan hubungan dan memanfaatkan pengalaman sesama usahawan. Apa yang menarik, Kamarudin dan Azlan sama-sama belajar di Sekolah Menengah Datuk Mahmood Paduka Raja, Tanah Merah dulu.

Menerusi bidang itu, mereka turut membantu mewujudkan peluang rezeki kepada masyarakat, terutama wanita dan graduan tanpa terlalu bergantung kepada makan gaji sama ada di sektor awam atau swasta.

Bernaung di bawah Hai-O Marketing Sdn Bhd, iaitu anak syarikat kepada Hai-O Enterprise Bhd, kumpulan disenaraikan di Papan Utama Bursa Malaysia, Siti Rohana dan Kartini menganggap kesenangan dikecapi mereka hasil semangat kerjasama *upline* dan *downline*.

Ini sejajar semangat pengasas dan Pengarah Urusan Kumpulan Hai-O, Tan Kai Hee, untuk memberi semua apa diterima daripada masyarakat, bagaikan simbolik burung camar yang menjadi lambang korporat kumpulan.

Malah, menerusi bidang MLM yang turut disertai pelbagai kaum, walaupun kebanyakannya Bumiputera, dapat mengeratkan hubungan antara kaum.

Siti Rohana atau lebih dikenali Kak Ana ketika ditemui dalam lawatan Hai-O ke Seoul, Korea Selatan, baru-baru ini berkata, kemersaan hubungan kaum lebih menonjol apabila kerjasama itu memberi kebaikan dari segi ekonomi.

Menceritakan pengalaman menyertai MLM Hai-O, Siti Rohana berkata, kira-kira lima tahun lalu, beliau hanya guru sejarah di sebuah sekolah di Rawang selepas menerima ijazah Sains Kemanusiaan Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), manakala suaminya lulusan universiti sama dalam bidang Ekonomi (Statistik).

Katanya, produk pakaian dalam pembentukan kontur badan berteknologi infra merah Premium Beautiful keluaran Hai-O mengubah hidupnya bersama suami, bekas jurutera swasta.

Bermula sebagai penderas di sekitar daerah Hulu Selangor, beliau tabah mengharungi rintangan awal sebelum muncul CDM pada Januari 2005 dengan pendapatan enam angka bersama suaminya.

Sehingga kini, mereka melahirkan lebih 30 CDM dengan membimbing 7,000 penderas, terutama di Hulu Selangor, Gombak

# Berhenti makan gaji demi jualan langsung

Suami isteri serta MLM Hai-O antara usahawan Bumiputera berjaya nikmati hidup mewah



KENANGAN: Seminar Hai-O di Seoul berjaya memberi semangat baru kepada penderas.



CARI PENGALAMAN: Kartini dan suami bermain ski di Korea.

dan Batu Caves.

"Saya tiada pengalaman niaga sebelum itu. Cubaan pertama dalam Hai-O berjaya kerana saya serasi dengan produk itu," kata ibu empat anak itu.

Azlan pula aktif pada September 2003 selepas empat bulan penyertaan isterinya serta menjadi CDM pada Julai 2005 dengan memanfaatkan sistem pemasaran lebih strategik untuk mudah diaplikasi dan menaikkan *downline*.

Sementara itu, bagi pasangan Kartini dan Kamarudin, tujuh tahun lalu, ketika menjadi guru berijazah dengan gaji lebih RM2,000 seorang, mereka hanya mampu memandu Proton Iswara Aeroback serta tinggal menyewa.

Lebih empat tahun lalu, Hai-O mengubah hidup mereka dan memiliki kereta E200 Kompresor serta mampu membeli rumah berharga lebih RM400,000 dengan pendapatan enam angka.

Kartini menjadi CDM pada 2003, manakala Kamarudin setahun kemudian dengan lebih 1,000 *downline* ketika itu dan kini menjadi 6,000 orang.

Mereka yang dikurniakan dua cahaya mata kini selesa sentiasa berdua menjalankan perniagaan, memberi kursus

pengukuhan kepada *downline* atau mencari pelanggan kerana waktu kerja lebih fleksibel.

Disebabkan minat niaga sejak kecil, anak penjual daging dari Pasir Putih, Kelantan itu memanfaatkan skim Hai-O untuk meningkatkan pendapatan dan taraf hidup keluarga dengan tiga adik-beradiknya turut menyertai skim itu.

Sebelum ini, bekas pelajar Maktab Rendah Sains Mara (MRSM) Kuantan itu melakukan pelbagai skim MLM sejak menerima Ijazah Sarjana Muda Sains dengan Pendidikan (Biologi) dari Universiti Putra Malaysia (UPM) pada 1997, tetapi kurang berhasil sehingga menyertai Hai-O.

Kartini dan Kamarudin juga lulusan UPM dalam Sarjana Muda Sains dengan Pendidikan (Fizik) memberi tumpuan kepada produk penapis air berteknologi tinggi Bio-Aura yang dikatakan mampu mengurangkan gejala penyakit seperti gout.

"Bagi saya, walaupun sudah tujuh tahun menceburi perniagaan ini seolah-olah macam baru tujuh bulan, sebab seronok," kata Kartini.

Kamarudin pula berkata: "Bidang MLM lebih menyeronokkan kerana masanya lebih fleksibel tanpa perlu menyewanya pejabat atau menggaji pekerja."

REAKSI



“Walaupun sudah tujuh tahun menceburi perniagaan ini seolah-olah macam baru tujuh bulan, sebab seronok”

Kartini Mat Yaakob  
Crown Diamond Manager Hai-O



“Saya tiada pengalaman niaga sebelum itu. Cubaan pertama dalam Hai-O berjaya kerana saya serasi dengan produk itu”

Siti Rohana Yusoff  
Crown Diamond Manager Hai-O